



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 42
Bil. 26

21hb Mac 1989

*TAMBAHAN No. 17
PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 39.

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984
KAEDAH-KAEDAH HUTAN 1988

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KUASA-KUASA PENGARAH

3. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberikan kuasa-kuasa kepada Pengarah.
4. Mengambil hasil hutan dari tanah berimilik.
5. Pembersihan hutan.
6. Pembatalan lesen pemindah atau lesen kecil.
7. Sempadan-sempadan pentadbiran hutan.

BAHAGIAN III

PEWUJUDAN HUTAN-HUTAN SIMPANAN KEKAL

8. Prosedur bagi mewujudkan hutan-hutan simpanan kekal.
9. Pengarah hendaklah mengambil tindakan menanda sempadan-sempadan luar.

BAHAGIAN IV

RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN, MENGUSAHA HASIL DAN
PENGHUTANAN SEMULA

Kaedah

10. Rancangan pengurusan hutan.
11. Rancangan mengusaha hasil hutan.
12. Rancangan penghutanan semula.
13. Rancangan hendaklah disediakan oleh ahli perhutanan profesional.

BAHAGIAN V

PROSEDUR YANG HENDAKLAH DIIKUTI MENGENAI
KESALAHAN-KESALAHAN HUTAN

14. Pegawai hutan hendaklah melaporkan kesalahan-kesalahan yang dikesan olehnya kepada Pegawai Hutan Daerah.
15. Kuasa-kuasa khas penyiasatan di bawah Kanun Prosedur Jenayah.

BAHAGIAN VI

PENGAWALAN HASIL HUTAN DALAM TRANSIT

16. Hasil bulan hendaklah dibawa ke balai pemeriksaan yang paling hampir.
17. Pemilikan pas pemindah.
18. Tidak membayar royalti dan caj-caj lain atas hasil hutan.
19. Pemindahan hasil hutan dilarang pada waktu malam tanpa pas pemindah.
20. Penubuhan balai pemeriksaan hutan.
21. Tanda harta dan tanda pengelasan.

BAHAGIAN VII

CAJ-CAJ HUTAN

22. Hasil hutan tertakluk kepada royalti.
23. Premium dan fee pelbagai.

BAHAGIAN VIII

AM

24. Notis awam mengenai kayu tak dituntut.
25. Pendaftaran jentera pembalakan.
26. Jentera tak berdaftar tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan lesen.
27. Pembatasan penggunaan jentera berdaftar.
28. Pendaftaran bagi maksud pembalakan.
29. Pendaftaran untuk mengambil kayu jaras, kayu api, bakau dan hasil hutan yang lain.
30. Pendaftaran bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan hutan.
31. Mencarigali longgokan galian.
32. Pengeluaran sublesen.
33. Mengkompaun bagi kesalahan-kesalahan hutan.
34. Pemansuhan.

JADUAL

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984
KAEDAH-KAEDAH HUTAN 1988

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 111 Akta Perhutanan Negara 1984. Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah berikut:

Akta 313

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Hutan 1988.**

Tajuk
ringkas

2. Dalam kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Perhutanan Negara 1984;

“balai pemeriksaan hutan” ertinya tempat semua hasil hutan dibawa untuk diukur, ditimbang atau dikira dan untuk ditaksir royalti dan caj-caj hutan yang lain;

“perakuan pembersihan hutan” ertinya suatu dokumen yang dikeluarkan oleh Pengarah untuk mengesahkan bahawa kawasan yang dinyatakan di dalamnya tidak mengandungi apa-apa kayu lagi yang boleh diusaha hasil secara berekonomi;

“tanda hasil” adalah suatu tanda yang dibubuh pada hasil hutan bagi menunjukkan bahawa hasil yang kena dibayar kepada Kerajaan sudah dibayar;

“tanda pengelasan” ertinya suatu tanda yang dibubuh pada kayu bagi menunjukkan asal kayu itu atau agensi yang telah mengendalikannya.

BAHAGIAN II
KUASA-KUASA PENGARAH

3. Tertakluk sentiasa kepada kawalan Pihak Berkuasa Negeri dalam perkara-perkara yang menyentuh atau yang mungkin menyentuh pentadbiran am Negeri, kuasa memberikan kebenaran bertulis untuk melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam seksyen 81 dan 82 Akta di dalam sesuatu hutan simpanan kekal boleh dijalankan oleh Pengarah.

Pihak Berkuasa Negeri
hendaklah memberikan kuasa-kuasa kepada Pengarah.

4. Lesen untuk mengambil hasil hutan dari tanah berimilik boleh diluluskan oleh Pengarah.

Menganbil hasil hutan dari tanah berimilik

Pembersihan hutan.

5. Pengarah boleh mengeluarkan perakuan pembersihan hutan kepada agensi atau orang yang relevan dan yang berkenaan jika dia berpuas hati bahawa kawasan yang sedang dipertimbangkan itu tidak mengandungi apa-apa kayu lagi yang boleh diusaha hasil secara berekonomi dan kerja pembersihan itu hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

6. (1) Jika Pengarah ada sebab untuk mempercayai bahawa pemegang sesuatu lesen pemindah atau lesen kecil telah melanggar mana-mana peruntukan Akta atau mana-mana syarat yang dikenakan atas lesen pemindah atau lesen kecil itu, dia boleh, dengan menyampaikan suatu notis bertulis kepada pemegang lesen itu, memerintahkan pemegang lesen itu,

Pembalakan lesen pemindah atau lesen kecil.

pengkhidmat-pengkhidmatnya dan ejen-ejennya memberhentikan dengan serta-merta semua kerja yang dibenarkan oleh lesen itu.

(2) Notis mengenai pemberhentian kerja yang dikeluarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah juga menghendaki pemegang lesen yang dinamakan dalam notis itu hadir di hadapan Pengarah pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh notis itu dan menunjukkan sebab mengapa lesen pemindah atau lesen kecil, mengikut mana yang berkenaan, yang dikeluarkan kepadanya tidak harus dibatalkan.

(3) Seorang yang dipanggil untuk menunjukkan sebab di bawah subkaedah (2) hendaklah diberikan oleh Pengarah butir-butir bertulis mengenai pelanggaran yang dikatakan dilakukan olehnya dan dia boleh hadir sendiri atau diwakili oleh seorang yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

(4) Jika, selepas pembicaraan itu, Pengarah berpuas hati bahawa pemegang lesen pemindah atau lesen kecil itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah bersalah atas pelanggaran yang dikatakan dalam notis itu, maka Pengarah boleh membatalkan lesen pemindah itu atau lesen kecil itu, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Seorang yang terkilan dengan keputusan Pengarah di bawah subkaedah (4) boleh, dalam masa 30 hari dari tarikh dia menerima notis mengenai keputusan itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

(6) Keputusan Pengarah di bawah subkaedah (4) hendaklah mempunyai kuatkuasa serta-merta walaupun rayuan dibuat di bawah subkaedah (5).

7. Pengarah boleh, bagi maksud-maksud Akta dan bagi pentadbiran dan pengurusan am hutan di dalam Negeri, membahagikan Negeri kepada daerah-daerah, subdaerah-subdaerah, kawasan-kawasan dan subkawasan-subkawasan pentadbiran hutan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Sempadan sempadan pentadbiran hutan

BAHAGIAN III

PEWUJUDAN HUTAN-HUTAN SIMPANAN KEKAL

Prosedur bagi mewujudkan hutan-hutan simpanan kekal.

8. Bagi maksud-maksud menjadikan mana-mana tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal di bawah seksyen 7 Akta, prosedur yang berikut hendaklah diikuti:

- (a) Pengarah hendaklah mengemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian cadangan untuk mewujudkan suatu hutan simpanan kekal yang mana hendaklah mengandungi keterangan ringkas mengenai kawasan itu bersama dengan pelan-pelan yang relevan yang menunjukkan sempadan-sempadan luar kawasan itu;

- (b) Pengarah Tanah dan Galian, apabila menerima cadangan daripada Pengarah di bawah perenggan (a), hendaklah dalam masa 30 hari dari tarikh penerimaan cadangan itu, merujukkan cadangan itu kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang relevan dan yang berkenaan bagi mendapatkan ulasan-ulasan mereka dan menghendaki supaya ulasan-ulasan itu dikemukakan kepadanya dalam masa 60 hari;
- (c) Pengarah Tanah dan Galian hendaklah menyediakan suatu laporan mengenai cadangan itu dan mengemukakannya kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam masa 30 hari dari tarikh dia menerima semua ulasan yang dikehendaki di bawah perenggan (b);
- (d) Pihak berkuasa Negeri, selepas itu, hendaklah menimbangkan cadangan yang dirujukan kepadanya dan jika ia memerlukan cadangan itu, ia hendaklah, sesuai dengan itu, menjadikan tanah itu suatu hutan simpanan kekal dengan menyiaran suatu pemberitahuan mengenainya di dalam *Warta*.

9. Apabila tersiarnya pemberitahuan di dalam *Warta* yang disebut dalam perenggan (d) kaedah 8, Pengarah hendaklah dengan seberapa segera, memulakan kerja menanda sempadan-sempadan luar tanah yang dijadikan hutan simpanan kekal itu dan hendaklah bertanggungjawab mengenai pengawalan dan penyeliaan hutan simpanan itu pada keseluruhan menurut Akta.

Pengarah
hendaklah
mengambil
tindakan
menanda
sempadan-
sempadan luar.

BAHAGIAN IV

RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN, MENGUSAHA HASIL DAN PERHUTANAN SEMULA

10. (1) Seseorang yang telah diberi suatu kawasan bagi pembalakan di sesuatu hutan simpanan kekal melalui suatu perjanjian bertulis hendaklah menyediakan suatu rancangan pengurusan hutan menurut format dalam Borang A Jadual Pertama.

Rancangan
pengurusan
hutan.

(2) Rancangan pengurusan hutan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dikemukakan kepada Pengarah bagi kelulusan dalam masa satu tahun dari tarikh pemberitahuan mengenai kelulusan bagi pembalakan yang diberikan oleh Pengarah.

(3) Sementara menanti rancangan pengurusan hutan diluluskan, kerja-kerja mengusaha hasil tidak dibenarkan dalam kawasan yang diluluskan bagi pembalakan itu.

11. (1) Seseorang yang telah diberi suatu kawasan bagi pembalakan di sesuatu hutan simpanan kekal hendaklah menyediakan suatu rancangan mengusaha hasil bagi kawasan itu menurut format dalam Borang B Jadual Pertama dan mengemukakan rancangan itu kepada Pengarah bagi kelulusannya.

Rancangan
mengusaha
hasil hutan.

(2) Sementara menanti rancangan mengusaha hasil itu diluluskan, kerja-kerja mengusaha hasil tidak dibenarkan dalam kawasan yang diluluskan bagi pembalakan itu.

Rancangan penghutanan semula.

12. (1) Seseorang yang telah diberi suatu kawasan bagi pembalakan di sesuatu hutan simpanan kekal melalui suatu perjanjian bertulis hendaklah menyediakan suatu rancangan penghutanan semula menurut format dalam Borang C Jadual Pertama dan mengemukakan rancangan itu kepada Pengarah bagi kelulusannya.

(2) Sementara menanti rancangan penghutanan semula dalam subkaedah (1) itu diluluskan, kerja-kerja mengusaha hasil tidak dibenarkan dalam kawasan yang diluluskan bagi pembalakan itu.

Rancangan hendaklah disediakan oleh ahli perhutanan profesional.

13. Sesuatu rancangan pengurusan hutan, rancangan mengusaha hasil hutan atau rancangan penghutanan semula yang dikehendaki masing-masing di bawah kaedah 10, 11 dan 12 tidak boleh dipertimbangkan oleh Pengarah melainkan jika ia disediakan atau diendorskan oleh seorang ahli perhutanan profesional yang berdaftar sebagai anggota biasa Institut Ahli Perhutanan, Malaysia.

BAHAGIAN V

PROSEDUR YANG HENDAKLAH DIIKUTI MENGENAI KESALAHAN-KESALAHAN HUTAN

Pegawai hutan hendaklah melaporkan kesalahan-kesalahan yang dikesan olehnya kepada Pegawai Hutan Daerah.

14. (1) Seseorang pegawai hutan yang menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah seksyen 88, 89 atau 92 Akta hendaklah seberapa segera yang praktik, melaporkan kepada pegawai atasannya yang terdekat mengenai fakta kesalahan itu dan mengenai apa-apa tindakan yang telah diambil olehnya mengenai kesalahan itu.

(2) Jika pegawai hutan yang disebut dalam subkaedah (1) bukanlah seorang Pegawai Hutan Daerah, laporan itu hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Hutan Daerah yang berkenaan bagi tindakan selanjutnya sebagaimana yang diperuntukan dalam Bahagian VIII Akta.

Kuasa-kuasa khas penyiasatan di bawah Kanun Prosedur Jenayah.

N.M.H:
Bab 6

15. Seseorang pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah, seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan, dan seseorang pegawai penjaga balai polis boleh, berhubung dengan sesuatu penyiasatan mengenai suatu kesalahan hutan tanpa perintah daripada Pendakwa Raya menjalankan kuasa-kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis yang diberikan oleh Kanun Prosedur Jenayah dalam mana-mana kes boleh tangkap.

BAHAGIAN VI

PENGAWALAN HASIL HUTAN DALAM TRANSIT

Hasil hutan hendaklah dibawa ke balai pemeriksaan yang paling hampir.

16. (1) Semua hasil hutan yang ditebang atau dipungut di bawah lesen hendaklah dibawa ke balai pemeriksaan hutan yang paling hampir sekali untuk diukur, ditimbang atau dikira sebagaimana yang diperuntukan di bawah seksyen 66 dan 67 Akta.

(2) Suatu pas pemindah hendaklah dikeluarkan mengenai hasil hutan yang telah ditaksirkan menurut subkaedah (1).

(3) Jika hasil hutan yang dibawa untuk ditaksirkan di bawah subkaedah (1) adalah kayu, ia hendaklah ditandakan dengan tanda tukul hasil yang menandakan bahawa ia telah ditaksirkan bagi royalti dan semua caj lain yang boleh dikenakan ke atas hasil hutan itu.

17. Seseorang yang memiliki, menjaga atau mengawal apa-apa hasil hutan hendaklah ada bersamanya pas pemindah yang dikeluarkan di bawah subkaedah (2) kaedah 16 mengenai hasil hutan itu dan hendaklah:

Pemilikan pas pemindah.

- (a) berhenti di setiap balai pemeriksaan hutan yang ditentukan oleh Pengarah menurut kaedah 20 dan di mana-mana tempat lain jika disuruh berbuat demikian oleh seseorang pegawai hutan, pegawai polis atau pegawai kastam;
- (b) memberikan bantuan yang perlu bagi membolehkan pemeriksaan hasil hutan itu oleh pegawai itu; dan
- (c) menyerahkan, apabila diminta, pas pemindah itu untuk digantikan dengan pas pemindah ganti seperti di Borang D dalam Jadual Pertama yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai hutan yang diberikuasa oleh Pengarah.

18. Jika ada sebab untuk mempercayai bahawa royalti atau apa-apa caj lain yang kena dibayar kepada Negeri atau kepada mana-mana Negeri lain mengenai apa-apa hasil hutan dalam transit belum berbayar, hasil hutan itu bersama alat-alat pengangkutan yang digunakan hendaklah ditahan di situ atau dipindahkan ke tempat yang diarahkan oleh pegawai yang menahan itu sehingga suatu siasatan mengenai asalnya telah dibuat dan tindakan yang sesuai diambil di bawah Akta.

Tidak membayar royalti dan caj-caj lain atas hasil hutan.

19. Tiada suatu hasil hutan pun boleh dipindahkan di antara pukul 7 malam dan pukul 7 pagi melainkan jika ia disertai oleh suatu pas pemindah yang dikeluarkan sebelumnya di bawah kaedah 16 atau oleh suatu pas pemindah ganti yang dikeluarkan di bawah perenggan (c) kaedah 17, dan jika hasil hutan itu adalah kayu, ia hendaklah juga mempunyai tanda tukul hasil yang disebut dalam subkaedah (3) kaedah 16.

Pemindahan hasil hutan dilarang pada waktu malam tanpa pas pemindah.

20. Pengarah hendaklah menetapkan kawasan-kawasan di dalam Negeri bagi maksud menubuhkan balai-balai pemeriksaan hutan.

Penubuhan balai pemeriksaan hutan.

21. (1) Semua tanda harta dan tanda pengelasan mengikut rekabentuk yang diluluskan oleh Pengarah hendaklah didaftarkan dengan pejabat Pengarah yang di dalam bidang kuasanya tanda-tanda itu dibenarkan digunakan.

Tanda harta dan tanda pengelasan.

(2) Tempoh pendaftaran sesuatu tanda harta atau tanda pengelasan di bawah subkaedah (1) tidak boleh melebihi 12 bulan dari tarikh pendaftaran dan boleh diperbaharui.

BAHAGIAN VII

CAJ-CAJ HUTAN

22. (1) Semua hasil hutan yang ditebang, digergaji, ditukar bentuk, dipungut atau dipindahkan di bawah sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta hendaklah tertakluk kepada bayaran royalti.

Hasil hutan tertakluk kepada royalti.

(2) Kadar-kadar royalti atas apa-apa hasil hutan hendaklah seperti dalam Jadual Kedua.

Premium dan
fee pelbagai

23. (1) Hasil hutan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga boleh dikenakan bayaran premium sebagai tambahan kepada royalti yang kena dibayar di bawah kaedah 22.

(2) Kadar-kadar premium hendaklah seperti dalam Jadual Ketiga.

(3) Fee pelbagai hendaklah kena dibayar mengenai perkara-perkara dan pada kadar-kadar yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

BAHAGIAN VIII

AM

Notis awam
mengenai kayu
tak dituntut.

24. Suatu notis awam yang dikeluarkan di bawah seksyen 77 Akta hendaklah dalam Borang E Jadual Pertama.

Pendaftaran
jentera
pembalakan.

25. (1) Tiap-tiap orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Akta hendaklah mendaftarkan dengan pejabat Pengarah semua jentera yang digunakan dalam kerja-kerja mengusaha hasil kayu.

(2) Permohonan bagi pendaftaran yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dalam Borang F Jadual Pertama.

Jentera tak
berdaftar tidak
dibenarkan
masuk ke
dalam
kawasan lesen.

26. Tiada suatu jentera pun yang digunakan dalam kerja-kerja mengusaha hasil kayu boleh dibenarkan di dalam sesuatu kawasan lesen melainkan jika ia telah didaftarkan menurut kaedah 25.

Pembatasan
penggunaan
gentera
berdaftar.

27. Tiada suatu jentera pun yang digunakan dalam kerja-kerja mengusaha hasil kayu boleh didaftarkan bagi lebih daripada satu kawasan lesen pada sesuatu masa kecuali dengan kebenaran bertulis Pengarah.

Pendaftaran
bagi maksud
pembalakan.

28. Seseorang yang berhasrat memperolehi kawasan-kawasan hutan bagi maksud pembalakan hendaklah berdaftar dengan Pengarah atas Borang G Jadual Pertama.

Pendaftaran untuk
mengambil
kayu jaras,
kayu api,
bakau dan
hasil hutan
yang lain.

29. Seseorang yang berhasrat memperolehi kawasan-kawasan hutan bagi maksud mengambil kayu-kayu jaras, kayu api, bakau dan apa-apa hasil hutan yang lain hendaklah berdaftar dengan Pengarah atas Borang H Jadual Pertama.

Pendaftaran bagi
menjanlankan
kerja-kerja
pembangunan
hutan.

30. Seseorang yang berhasrat menjalankan kerja-kerja pembangunan hutan hendaklah berdaftar dengan Pengarah atas Borang I Jadual Pertama.

Mencarigali
longgokan
galian.

31. Permit untuk mencarigali longgokan-longgokan galian di dalam sesuatu hutan simpanan kekal hendaklah dikeluarkan atas borang J Jadual Pertama.

32. (1) Jika pemegang sesuatu lesen, lesen kecil atau permit penggunaan mengaji pekerja-pekerja bagi maksud-maksud leseninya, lesen kecilnya atau permit penggunaannya, maka suatu sublesen atas Borang K Jadual Pertama boleh dikeluarkan bagi setiap pekerja yang digaji sedemikian atas budi bicara seseorang pegawai hutan yang diberikuasa oleh Pengarah.

Pengeluaran
sublesen.

(2) Sesuatu sublesen yang dikeluarkan di bawah subkaedah (1) tidak boleh dipindahmilikkan dan hendaklah dikeluarkan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan.

33. Borang L1, L2 dan L3 dalam Jadual Pertama hendaklah digunakan bagi maksud mengkompaun kesalahan-kesalahan menurut seksyen 101 Akta.

Mengkompaun
bagi
kesalahan-
kesalahan
hutan.

34. Apabila kaerah-kaerah ini mula berkuatkuasa Kaerah-Kaedah Hutan 1935 adalah dimansuhkan.

Pemansuhan
P.U. 996

JADUAL PERTAMA

BORANG A KaedaH-Kaedah Hutan 1988

FORMAT RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN (Kaedah 10)

Rancangan Pengurusan Hutan hendaklah disediakan dalam tiga bahagian seperti yang berikut:

- (a) Pengenalan;
- (b) Taraf Sumber dan Penentuan; dan
- (c) Peta-peta dan Lampiran-lampiran.

(a) PENGENALAN—

(i) *Latar belakang:*

Suatu keterangan ringkas mengenai organisasi itu berhubung dengan pengurusan hutan, pembangunan dan pentadbiran; tempat dan takat sumber hutan dalam menguruskan dan mempergunakan sumber.

(ii) *Polisi, Matlamat dan Strategi:*

Suatu keterangan ringkas mengenai polisi, maklamat jangka panjang, strategi dan keutamaan dalam menguruskan dan mempergunakan sumber.

(iii) *Matlamat:*

Pernyataan mengenai matlamat jangka pendek yang akan diikuti dalam tempoh rancangan itu.

(b) TARAF SUMBER DAN PENENTUAN—

(i) *Tumbuhan Hutan:*

Suatu keterangan terperinci mengenai tempat dan tumbuhan hutan beserta dengan kaedah-kaedah yang digunakan dalam menganggarkan tumbuhan hutan; suatu ringkasan isipadu kasar dan bersih menurut spesies/ dan kelas-kelas garispusat.

(ii) *Pencatuan Perolehan:*

Suatu keterangan mengenai sistem-sistem pengurusan hutan yang diterimapakai dan yang menyatakan tempat dan kuantiti kayu yang akan ditebang atau kawasan yang akan ditebang setiap tahun atau tempoh masa, dan rangkaian kerja melalui blok-blok tebangan, unit-unit pengurusan atau lingkungan-lingkungan kerja. Suatu ringkasan mengenai peraturan menebang dan pengeluaran yang dianggarkan bagi setiap tahun atau tempoh masa menurut kelas-kelas garispusat dan spesies/kumpulan spesies, unit pengurusan atau linkungan kerja hendaklah diberikan.

(iii) *Penanaman Semula Hutan:*

Suatu keterangan mengenai sistem-sistem silvikultur yang diterimapakai beserta dengan cara dan tempat pemulihan, penjagaan dan kerja-kerja silvikultur lain akan dijalankan bagi setiap tahun atau tempoh masa oleh blok-blok tebangan, unit-unit pengurusan atau linkungan-linkungan kerja.

(iv) *Pembangunan Insfranstruktur:*

Suatu keterangan mengenai sistem dan susunatur jalan, rancangan pembinaan jalan bagi setiap tahun atau tempoh masa dan apa-apa cara pengangkutan lain beserta dengan suatu ringkasan bangunan-bangunan bagi pejabat-pejabat dan tempat tinggal, yad balak, kelengkapan, dsb.

(v) *Tenaga Manusia dan Analisis Kewangan Ekonomi:*

Analisis mengenai keperluan-keperluan tenaga manusia dan pelaburan modal beserta dengan kos pengendalian yang dikehendaki bagi melaksanakan rancangan itu dan suatu keterangan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan bagi merekodkan dan menganalisis hasil yang didapati dan bagi maksud pengawasan.

(c) PETA-PETA DAN LAMPIRAN-LAMPIRAN—

Peta-peta yang disertakan hendaklah mengandungi takat kawasan, penyusunan kawasan menjadi lingkungan/unit/ petak kerja, maklumat tapak seperti kajibumi dan tanah, taraf sumber dan jenis hutan, rancangan pembangunan infrastruktur bagi jalan-jalan dan kemudahan-kemudahan utama yang lain. Lampiran-lampiran hendaklah mengandungi senarai spesies perniagaan, keputusan-keputusan inventori yang terperinci, daftar dirian dan stok, arahan/garis panduan silvikultur dan contoh-contoh rekod dan bentuk kawalan.

BORANG B
KAEDAH-KAEDAH HUTAN 1988
FORMAT RANCANGAN MENGUSAHA HASIL
(Kaedah 11)

Rancangan Mengusaha Hasil hendaklah disediakan dalam enam bahagian seperti berikut:

- (a) Pengenalan;
- (b) Sumber Hutan;
- (c) Sistem-sistem Mengusaha Hasil;
- (d) Aktiviti-aktiviti Mengusaha Hasil;
- (e) Keperluan-keperluan Tenaga Manusia dan Kawangan; dan
- (f) Peta-peta dan Lampiran-lampiran;

(a) PENGENALAN

Suatu keterangan ringkas mengenai organisasi itu, aktiviti-aktivitinya dan pengalamannya dalam kerja-kerja mengusaha hasil kayu. Ia hendaklah juga menyebutkan matlamat rancangan semasa.

(b) SUMBER HUTAN

Suatu keterangan mengenai tempat, takat dan pengelasan sumber, pembahagiannya kepada blok-blok tebangan berserta dengan ringkasan mengenai peraturan menebang dan pengeluaran balak yang dianggarkan menurut spesies/kumpulan spesies dan kelas-kelas garispusat bagi setiap blok tebangan.

(c) SISTEM-SISTEM MENGUSAHA HASIL

Suatu keterangan mengenai sistem-sistem mengusaha hasil yang diterimakai berserta dengan suatu senarai kelengkapan mengusaha hasil yang digunakan.

(d) AKTIVITI-AKTIVITI MENGUSAHA HASIL

Suatu keterangan terperinci mengenai jadual kerja bagi memotong sempadan, penyiasatan sumber sebelum menebang, pembinaan jalan, penandaan pokok, kerja-kerja menebang, dsb.

(e) KEPERLUAN TENAGA MANUSIA DAN KEWANGAN

Suatu keterangan ringkas mengenai keperluan tenaga manusia dan kewangan dari segi perbelanjaan modal dan kos pengendalian yang diperlukan untuk melaksanakan rancangan menurut jadual kerja.

(f) PETA-PETA DAN LAMPIRAN-LAMPIRAN

Peta-peta yang disertakan hendaklah mengandungi takat kawasan blok tebangan, sistem dan susunatur jalan serta kemudahan-kemudahan utama yang lain.

BORANG C
KAEADAH-KAEADAH HUTAN 1988
FORMAT RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN
(Kaedah 12)

Rancangan Penghutanan Semula hendaklah disediakan dalam tujuh bahagian seperti berikut:

- (a) Pengenalan;
- (b) Keterangan mengenai Kawasan;
- (c) Taraf Pemulihan dan Silvikultur;
- (d) Kerja-kerja Silvikultur;
- (e) Jadual kerja;
- (f) Keperluan-keperluan Tenaga Manusia dan Kewangan;
- (g) Peta-peta dan Lampiran-lampiran.

(a) PENGENALAN

Suatu keterangan ringkas mengenai organisasi itu berhubung dengan pengurusan, pembangunan dan pentadbiran hutan. Tempat dan takat asas sumber hutan dan ciri-ciri bentuk muka bumi yang ketara dan relevan.

(b) KETERANGAN MENGENAI KAWASAN

Suatu keterangan terperinci mengenai bentuk muka bumi, kajibumi dan jenis-jenis tanah yang didapati dalam kawasan itu, terutamanya yang mempunyai pengaruh berkesan atas pilihan-pilihan silvikultur yang boleh dipakai bagi kawasan itu. Jalan-jalan masuk utama ke kawasan itu dan infrastruktur yang boleh didapati hendaklah ditunjukkan.

(c) TARAF PEMULIHAN DAN SILVIKULTUR

Kaedah penilaian dan taraf pemulihan dan hasilnya hendaklah mengikut format yang ditentukan oleh Pengarah. Penafsiran keputusan-keputusan hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Pengarah. Semua kriteria dan andaian yang digunakan dalam penentuan itu hendaklah dinyatakan dengan terang.

(d) KERJA-KERJA SILVIKULTUR

Sifat dan jenis kerja-kerja silvikultur hendaklah diuraikan. Tempat di mana setiap kerja itu akan dijalankan dan sebab-sebab kerja-kerja itu dijalankan di suatu kawasan tertentu hendaklah diberikan. Contoh kerja-kerja silvikultur meliputi rawatan sebelum menebang, pemotongan pokok panjat dan penggelangan beracun, penanaman mengaya dan yang sebagainya.

(e) JADUAL KERJA

Rancangan bagi tempoh masa yang sedang dipertimbangkan hendaklah diberikan bagi setiap kerja yang akan dijalankan.

(f) KEPERLUAN-KEPERLUAN TENAGA MANUSIA DAN KEWANGAN

Perbelanjaan bagi tenaga manusia dan kewangan yang diperlukan untuk melaksanakan rancangan menurut jadual kerja hendaklah diberikan.

(g) PETA-PETA DAN LAMPIRAN-LAMPIRAN

Peta-peta yang disertakan hendaklah mengandungi takat kawasan blok tebangan, sistem dan susunatur jalan dan kemudahan-kemudahan utama yang lain.

BORANG D

KAEDAH-KAEDAH HUTAN 1988

KERAJAAN NEGERI

PAS GANTI BAGI MEMINDAHKAN HASIL HUTAN (Kaedah 17)

(Dikeluarkan bagi menggantikan Pas Pemindah Asal

Pas ini membenarkan memindahkan melalui
balai pemeriksaan hutan di
hasil hutan yang di bawah ini yang telah diambil dengan Lesen/Lesen
Kecil/Permit Penggunaan* No.
dan dipunyai oleh

No. Pendaftaran Kenderaan :
Destinasi
Had Muatan kenderaan yang dibenarkan
No. Tukul Besi Hasil
Waktu :
Tarikh
.....

Pegawai Hutan Yang Diberikuasa

* *Potong yang mana tidak berkenaan.*

Pas ini hendaklah disimpan oleh pemandu kenderaan atau orang yang bertanggungjawab atas hasil hutan itu.

BORANG E

KAEDAH-KAEDAH HUTAN 1988

NOTIS AWAM No. MENGENAI KAYU TAK DITUNTUT

(Kaedah 24)

1. Notis awam ini dikeluarkan menurut seksyen 77 Akta Perhutanan Negara 1984 dan dengan ini adalah diberitahu bahawa beberapa batang kayu balak seperti yang diperihalkan dalam borang yang disertakan telah dijumpai di
.....
2. Kayu-kayu balak ini telah diambil milik oleh Jabatan Perhutanan dan boleh diperiksa di
.....
3. Sesiapa juar yang berhajat untuk mendaftarkan suatu tuntutan terhadap keempunyaan kayu balak itu bolehlah berbuat demikian sebelum atau pada
4. Sesiapa juar yang berhajat untuk mendaftarkan tuntutan sedemikian boleh dikehendaki membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Jabatan Perhutanan berhubung dengan kayu balak itu, termasuk royalti dan ses atas kayu itu, jika royalti dan ses yang kena dibayar kepada Kerajaan belum berbayar.

Pegawai Hutan Daerah,

.....

.....

s.k.

Pengarah Hutan Negeri
Pegawai Daerah
Pejabat Kawasan
Balai-balai Pemeriksaan Hutan

MAKLUMAT MENGENAI KAYU-KAYU BALAK
YANG DIAMBIL OLEH JABATAN PERHUTANAN
MENURUT NOTIS AWAN No.....
MENGENAI KAYU TAK DITUNTUT

Bil.	Jenis	Ukuran		Isipadu (m ³)
		Panjang (meter)	Garispusat (sentimeter)	
JUMLAH				

BORANG F
KAEDAH-KAEDAH HUTAN 1988
PENDAFTARAN JENTERA BAGI KERJA-KERJA
MENGUSAHA HASIL KAYU
(Kaedah 25)

*1. Jenis jentera yang hendak didaftarkan:

(1)Jentolak

(2)Lori win

(3)Penggred

(4)Penyangga

(5)Jentera berat lain

2. Pendaftaran jentera pembalakan bagi lesen No.

3. Maklumat mengenai jentera yang dipunyi :

<i>Butir-butir/ Jentera</i>	<i>Jentolak</i>	<i>Lori Win</i>	<i>Penggred / Penyanga</i>	<i>Jentera Berat Lain</i>
1. Model jentera				
2. Tarikh dibeli/ disewa				
3. No. Pendaftaran				
4. Nama berdaftar				
5. Nombor enjin				
6. Nombor casis				
7. Alat-alat tambahan (<i>jika ada</i>)				
8. (a) Nama Pengendali (b) No. Kad Pengenalan				
9. Salinan yang diperakui kad pendaftaran jentera				
10. Maklumat lain				

Nama Pemegang Lesen

Alamat

Tarikh

.....
Tandatangan

No. Kad Pengenalan.....

* Tandakan (✓) dalam kotak yang berkenaan.

BORANG G
KAEDAH-KAEDAH HUTAN 1988
PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR PEMBALAKAN
(Kaedah 28)

1. Nama No. Kad Pengenalan
2. Alamat Perniagaan
3. Nama Syarikat
4. Alamat Perniagaan Berdaftar
5. *Nombor Sijil Pendaftaran Perniagaan
6. Tarikh Pendaftaran
7. Pemegang-pemegang saham dalam Syarikat:

Kategori	Bilangan
(i) Pengurusan	_____
(ii) Perkeranian	_____
(iii) Tenaga kerja lain	_____

JUMLAH:

8. Jentera Kepunyaan Syarikat:

Bilangan	Nilai Anggaran
(i) Jentolak	_____
(ii) Penyangga	_____
(iii) Penggred	_____
(iv) Lori Win	_____
(v) Lain-lain	_____

9. Pengalaman Membalak Terdahulu (*jika ada*):

(i) Permit/Lesen No.
(ii) Kawasan (ha)
(iii) Nama Negeri

10. Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah sepanjang pengetahuan saya.

.....

Tandatangan

.....

Nama

.....

No. Kad Pengenalan

Tarikh.....

* Lampiran satu salinan fotostatnya bersama dengan permohonan

BORANG H
KaedaH-Kaedah Hutan 1988

Pendaftaran Sebagai Kontraktor Bagi Mengerjakan
Kayu Jaras, Kayu Api, Bakau dan Apa-apa Hasil
Hutan Yang Lain

(Kaedah 29)

1. Nama No. Kad Pengenalan
2. Alamat
3. Nama Syarikat/ Firma (*jika ada*)
4. *Nombor Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Tarikh
.....
5. Nama-nama pemegang saham utama dalam Syarikat/Pekongsi-pekongsi dalam Firma
.....
.....
6. Pengalaman terdahulu (*jika ada*)
.....
.....
.....

Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah betul sepanjang pengetahuan saya.

Tarikh *Tandatangan*

.....
Nama

* Lampiram satu salinan fotostatnya bersama dengan permohonan

BORANG I
KAEADAH-KAEADAH HUTAN 1988

PENDAFTARAN UNTUK MEMPEROLEH KONTRAK BAGI
KERJA-KERJA PEMBANGUNAN HUTAN

(Kaedah 30)

1. Nama No. Kad Pengenalan
2. Alamat Perniagaan
3. Nama Syarikat
4. Alamat Perniagaan Berdaftar
5. *Nombor Sijil Pendaftaran Perniagaan
.....
6. Tarikh Pendaftaran Syarikat
7. Pengalaman Terdahulu (*jika ada*)
8. Jentera/Kelengkapan Kepunyaan Syarikat
.....
.....
.....
.....
9. [†]Jenis Kerja Pembangunan Hutan yang dikehendaki :

(i) Penggelangan Beracun & Pemotongan Pokok Panjat (GCL)	<input type="checkbox"/>
(ii) Tebang habis dan Membakar	<input type="checkbox"/>
(iii) Tanaman Mengaya	<input type="checkbox"/>
(iv) Penubuhan Ladang Hutan Kompensatori	<input type="checkbox"/>
(v) Tapak Semaian	<input type="checkbox"/>
(vi) Kerja-kerja Inventori Hutan	<input type="checkbox"/>
10. Tenaga Manusia yang Diambil Kerja:

Bilangan

Pengurusan
Penyeliaan
Mahir
Tidak Mahir
Lain-lain

JUMLAH: _____

Saya dengan itu mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah betul sepanjang pengetahuan saya.

.....
Tandatangan

.....
Nama

Tarikh
.....
No. Kad Pengenalan

* Lampiran satu salinan fotostat Sijil Pendaftaran Perniagaan Syarikat.

† Tandakan (✓) di petak yang berkenaan.

Rujukan: PHN:
PHD:

BORANG J
KaedaH-Kaedah Hutan 1988
Kerajaan Negeri
Permit Mencarigali Dalam Hutan Simpanan

(Kaedah 31)

No. Premit

Permit Mencarigali

No. Kompartmen

Hutan Simpanan

Bahawa, Encik/Tetuan dan agen-agen/pekerja-pekerjanya adalah dibenarkan masuk ke kawasan

Hutan Simpanan sebagaimana yang ditunjukkan di atas pelan berkembar yang bersempadan merah kerana mencarigali mengikut syarat-syarat seperti berikut:

1. Pemegang permit hendaklah terlebih dahulu mendapatkan—
 - 1.1 Sub-lesen pekerja-pekerja daripada Pegawai Hutan Daerah yang berkenaan dan membayar apa jua bayaran yang berkenaan.
 - 1.2 Pas Keselamatan/kurungan daripada Ketua Cawangan Khas Daerah Polis yang berkenaan jika perlu.
2. Sebelum kerja mencarigali dimulakan, sempadan-sempadan seperti yang ditunjukkan di atas pelan hendaklah dipotong dan dibersihkan serta ditanda dengan cat oleh pemegang permit ini di bawah penyeliaan seorang Pegawai Hutan.
3. Kerja mencarigali hendaklah dimulakan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh permit ini dikeluarkan dan jika lau tidak, permit ini akan dibatalkan.

4. Kerja mencarigali hendaklah dijalankan mengikut skim carigali yang diluluskan oleh Merinyu Galian.
5. Pemegang permit ini hendaklah membenarkan Merinyu Galian atau sesiapa yang diberikuasa secara amnya ataupun secara khas oleh Pengarah Hutan Negeri pada bila-bila masa yang difikirkannya patut, memeriksa sebarang kerja mencarigali yang dijalankan dan pemegang permit hendaklah memberikan laporan yang lengkap dan betul kepada Merinyu Galian tentang keputusan kerja-kerjanya, sebulan sebelum permitnya dibatalkan atau habis tempohnya, yang mana satu tarikh terdahulu mengikut format dan peraturan yang ditetapkan oleh Merinyu Galian secara bertulis dan laporan itu hendaklah disahkan dengan surat sumpah.
6. Di dalam sebarang pemberitahu yang berkehendakkan laporan mencarigali itu, pemegang permit ini atau mana-mana orang lain yang mewakilinya, akan diberitahu sama ada contoh-contoh galian dikehendaki atau tidak dan sekiranya dikehendaki maka pemegang permit ini atau wakilnya hendaklah menyempurnakannya.
7. Tiada pokok-pokok boleh ditebang atau dirosakkan tanpa kebenaran daripada Pengarah Hutan Negeri.
8. Tumbuh-tumbuhan hutan selain daripada pokok-pokok balak yang ada bolehlah ditebang/dibersihkan akan tetapi sekadar yang difikirkan perlu sahaja untuk maksud permit ini.
9. Sekiranya kerja-kerja mencarigali itu termasuk dalam kawasan membalak atau kawasan pembangunan hutan dimana kerja-kerja tersebut bermula sebelum permit mencarigali ini dikeluarkan maka sebarang gangguan kepada kerja-kerja membalak atau pembangunan hutan itu hendaklah dielakkan.
10. Sebelum tamat tempoh permit ini segala lubang, syaf, terowong lombong atau penggalian-penggalian lain hendaklah dikambus dengan memuaskan hati Merinyu Galian dan Pengarah Hutan Negeri kecuali mana-mana lubang, syaf, terowong lombong atau pengalian-penggalian lain yang dipersetujui oleh Merinyu Galian sebagai ada gunanya dalam melombong di masa hadapan, tidak payah dikambus dengan syarat dipagar dengan kukuh dan selamat sekelilingnya untuk mengelakkan daripada bahaya atau kecerderaan kepada orang atau binatang.
11. Permit ini habis tempoh pada dan tidak memberikan apa-apa hak memilih kawasan bagi pajakan. Jika permit ini hendak dilanjutkan, permohonan hendaklah dibuat kepada Pengarah Hutan Negeri tidak kurang daripada sebulan sebelum tarikh habis tempoh.

12. Pemegang permit ini hendaklah mendepositkan sebanyak \$ dan tambahan kepada deposit ini sebanyak yang akan ditetapkan oleh Pengarah Hutan Negeri akan diminta dari masa ke semasa jika perlu sebagai amanah; dan wang atau wang-wang ini boleh dirampas semua sekali atau sebahagian daripadanya bagi membayar semua kepada Jabatan Hutan kerana melanggar syarat 9 dan 10 atau mengganti kepada kehilangan hasil disebabkan kerosakan-kerosakan kerana melanggar syarat-syarat lain permit ini atau apabila sebahagian atau semua sekali daripada syarat-syarat di bawah ini tidak disempurnakan—
- (i) Tidak menyempurnakan kerja mencarigali dalam tempoh berkuatkuasa permit ini; atau
 - (ii) tidak menunjukkan keputusan kerja mencarigali yang muktamad; atau
 - (iii) tidak mengemukakan keputusan-keputusan kerja mengikut cara yang diterangkan di dalam syarat 5 dan 6.
13. Permit ini boleh dibatalkan oleh Pengarah Hutan Negeri bila-bila masa kerana melanggar mana-mana satu daripada syarat-syaratnya atau kerana berhenti kerja sekurang-kurangnya sebulan dan jika dibatalkan seumpama ini maka pemegang permit ini tidaklah boleh menuntut balik, sebarang bayaran yang telah dibuat atau diamanahkan kepada Kerajaan atau menurut sebarang gantirugi oleh kerana pembatalan itu.

